



**"MENGGAJAI REDA ILAHI".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ<sup>1</sup></p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>3</p>
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	<p>4</p>
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah kita perkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	<p>5</p>
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"MENGGAJAI REDA ILAHI"</b>.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	<p>6</p>
<p>Seandainya kita berada di dalam sebuah perahu di tengah-tengah lautan tanpa pedoman, ditambah pula dengan ombak yang mengganas. Bagaimana keadaan kita di masa itu? Sudah tentu kita kehilangan arah dalam keadaan lautan yang bergelora tadi.</p> <p>Andaian di atas boleh difahami secara mudah dengan ombak yang mengganas sebagai serangan musuh-musuh Islam yang bakal menenggelamkan kita. Pedoman yang kita perlukan pula adalah syariat Islam yang dapat membimbing kita keluar daripada lautan yang bergelora tadi.</p>	<p>7</p>

<sup>1</sup> al-A'raf : 3



<p>Islam sebagai agama yang membimbing kehidupan manusia keluar daripada kejahilan menuju kepada jalan kebenaran. Sejarah telah menyaksikan perutusan Rasulullah SAW untuk membawa risalah Islam kepada masyarakat Arab jahiliyyah. Tidak lain dan tidak bukan untuk membimbing mereka keluar daripada kejahilan menuju kebenaran. Sebagai agama yang membawa kebenaran, segala petunjuknya termaktub dalam kitab suci al-Quran.</p>	8
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9:</p> <p>إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾</p>	9
<p><i>"Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar".</i></p>	10
<p>Kitab suci ini diturunkan kepada Rasulullah SAW dan adalah menjadi tugas Baginda untuk menjelaskan kepada seluruh umat manusia. Di samping al-Quran, al-sunnah juga menjadi panduan dalam kehidupan beragama. Ia berperanan menjelaskan ayat-ayat al-Quran. Maka, kedua-duanya menjadi pegangan dan rujukan utama umat Islam dalam menjalani kehidupan sebagai Muslim yang sejati.</p>	11



<p>Kepentingan berpegang kepada al-Quran dan al-sunnah Rasulullah SAW dirakamkan Allah SWT dalam al-Quran menerusi surah al-Maidah ayat 92:</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَحْذَرُوا فِئَانٍ تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّ مَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَّغُ الْمُبِينُ ﴿٩٢﴾</p>	12
<p><i>“Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata”</i></p>	13
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Jelas sudah kepada kita bahawa al-Quran dan al-sunnah adalah pegangan dan rujukan utama umat Islam. Namun kini terdapat segolongan umat Islam yang terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Antaranya ajaran yang cuba untuk membebaskan diri daripada ikatan syarak dan mengagungkan hukum akal melebihi wahyu.</p>	14
<p>Sebenarnya al-Quran menggalakkan manusia untuk menggunakan akal bagi memikirkan tentang keEsaan dan kekuasaan Allah SWT. Banyak ayat-ayat al-Quran yang mengarahkan manusia untuk menggunakan akal fikiran. Antaranya firman Allah SWT dalam surah ali 'Imran ayat 190:</p> <p>إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾</p>	15



<p>“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal”.</p>	16
<p>Namun, akal yang terbatas tidak dapat memikirkan hal-hal yang berkaitan dengan perkara-perkara ghaib lain seperti alam barzakh dan akhirat. Oleh itu, agamalah yang akan membimbing akal dalam memahami dan memperinci perkara-perkara yang berkaitan akidah, akhlak dan hukum syarak. Akal yang berpandukan agama mampu menapis setiap berita dan maklumat yang diterima daripada internet apatah lagi dalam memahami perkara berkaitan hukum hakam dalam islam agar segala tindakan dan keputusan yang diambil tidak menyeleweng dan menyesatkan kita.</p>	17
<p>Untuk memahami ajaran Islam tafsiran para ulama mestilah dirujuk agar tidak menyimpang daripada maksud sebenar yang dikehendaki lebih-lebih lagi apabila ia merupakan perintah daripada Allah SWT. Firman Allah SWT menerusi surah al-Nahl ayat 43:</p> <p style="text-align: center;">﴿٤٣﴾ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ</p> <p>“Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui”.</p>	18
<p>Rasulullah SAW turut menjelaskan peranan ulama menerusi hadis daripada Abu al-Darda' Radhiallahu 'Anhu, Baginda SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ فَقَدْ أَخَذَ بِحِظِّ وَافِرٍ</p>	19




<p><i>“Sesungguhnya ulama pewaris para nabi, para nabi tidak mewariskan kepada mereka dinar dan dirham (harta benda), sesungguhnya hanyalah yang mereka wariskan adalah ilmu, maka barang siapa yang mendapatkan ilmu itu, sungguh dia telah mendapat keuntungan yang banyak”.</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi)</i></p>	20
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Bagi mengakhiri khutbah dan agar kita beroleh redha Allah SWT, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran dan al-Sunnah adalah panduan hidup kita untuk menggapai keredaan Ilahi.</li><li>2. Umat Islam hendaklah merujuk kepada para ulama yang muktabar dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah.</li><li>3. Umat Islam hendaklah berwaspada dengan pemikiran liberal dan plural yang bercangghah daripada al-Quran dan al-Sunnah.</li></ol>	21
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ ۖ جَهَنَّمَ سَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾</p>	22
<p>“Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali”.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Nisa': 115)</i></p>	23



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	24
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	25



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا </p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang sah. Umat Islam hendaklah bersatu hati menghadapi persekitaran, ideologi songsang dan ancaman musuh-musuh Islam.</p>	4
<p>Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling asas ke arah pembinaan ummah yang bermaruah berwibawa dan cemerlang. Bersatulah dengan semangat kalimah tauhid, لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta Qudwah Rasulullah SAW.</p>	
<p>Statistik Covid-19 di Selangor yang tinggi memerlukan kepatuhan yang tinggi juga terhadap ketetapan SOP utama, SOP JAIS dalam mencegah penularan dan kawalan sendiri masing-masing dalam situasi yang sukar ini. Tingkatkan keyakinan kepada Allah SWT, mengesakan-Nya dan menyucikan-Nya serta bertaubatlah.</p>	



<p>Renungkanlah kesalahan lalu masing-masing sehingga Allah SWT manghantar bala dan musibah ini. Bukan sibuk membuat tohmahan, memfitnah atau menyalahkan pihak-pihak yang sedang berusaha keras menghadapi keadaan ini.</p>	
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	6
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p> <p>Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10





<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ البلاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الوَبَاءَ وَالبَلاءَ وَالمَرَضَ وَالشَّدائِدَ وَالمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالإِجابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14